

Aksi sulung Zaidatul tidak menjadi

RIO DE JANEIRO 13 Ogos – Pelari pecut negara Zaidatul Husniah Zulkifli gagal menyesuaikan diri dengan cuaca sejuk di Rio apabila sekadar menduduki tangga terakhir dengan masa kurang memberangsangkan dalam pusingan pertama 100 meter wanita, hari ini.

Peserta *wildcard* itu mencatat masa 12.62 saat pada saringan terakhir yang dimenangi atlet Amerika Syarikat (AS), English Gardner dengan masa 11.09s.

Zaidatul Husniah yang memegang catatan terbaik 11.67s pada Kejohanan Olahraga Kosanov Memorial di Almaty, Kazakhstan, Jun lalu sebelum ini mencatat 12.12s pada pusingan kelayakan.

“Sejuk di sini dan saya tidak boleh menyesuaikan diri... saya tidak menjangkakan dan

membuat persediaan di bawah keadaan cuaca seperti ini.

“Bagaimanapun, saya gembira dapat berlari bersama dengan nama-nama besar di sini,” kata atlet berusia 23 tahun itu.

Suhu di Rio jatuh kepada 16 darjah Celcius malam tadi.

Hanya 24 pelari terbaik layak ke separuh akhir, di mana pemenang pingat emas dua kali, Shelly-Ann Fraser-Prye dari Jamaica mencatat masa terpanjang 10.96s.

Atlet berusia 29 tahun itu memenangi emas 100m berturut-turut di Beijing 2008 dengan masa 10.78s dan mempertahankan gelaran di London 2012 dengan masa 10.75s.

Dia satu-satunya pelari wanita yang mencatatkan masa bawah 11s dalam pusingan pertama, sekali gus menjadi pilihan untuk mempertahankan emas, selain berpotensi akan mencabar rekod Olimpik 10.62s yang dipegang AS, Florence Griffith Joyner pada Sukan Olimpik Seoul 1998. - BERNAMA

